

30 SEP 1999

Cuepacs-Gaji

CEUPACS CADANG GAJI POKOK MINIMA KAKITANGAN AWAM SEBANYAK RM750

MELAKA, 30 Sept (Bernama) -- Cuepacs akan mencadangkan kenaikan gaji sebanyak 30 peratus kepada kakitangan kerajaan kategori terendah disamping mencadangkan gaji pokok minimum sebanyak RM750 kepada anggota perkhidmatan awam kategori itu, dalam semakan gaji terbaru.

Setiausaha Agung Cuepacs, Abdul Rahman Manan berkata kedua-dua cadangan itu adalah antara beberapa permohonan yang akan dikemukakan dalam semakan gaji baru kepada lebih 850,000 kakitangan awam.

"Sudah sampai masanya kerajaan mengkaji semula gaji kakitangan awam kerana taraf hidup yang meningkat dan berdasarkan kepada pasaran dan keadaan semasa," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penutupan Seminar Kepimpinan dan Pengurusan Alaf Baru di Akademi Kastam Malaysia di sini, hari ini.

Beliau berkata cadangan semakan gaji terbaru itu telah diputuskan dalam mesyuarat semakan gaji Cuepacs pada minggu lepas dan akan dibentangkan pada mesyuarat majlis kongres Ceupacs pada Ahad ini, di Kuala Lumpur.

Katanya selepas menerima pengesahan daripada kongres itu kelak, ia akan dikemaskinikan merangkumi jumlah kos yang terlibat dan dihantar kepada Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin, Oktober ini.

Menurut Abdul Rahman semakan gaji untuk kakitangan awam telah melampaui lima tahun sejak skim saraan baru (SSB) diperkenalkan pada tahun 1992.

"Pelarasan gaji kali terakhir pula diluluskan pada 1 Jan 1995 dan dilaksanakan pada 1996. Apa yang kita kehendaki sekarang ialah semakan gaji baru," katanya.

Beliau berkata selain taraf hidup yang meningkat, laporan penilaian prestasi tahunan kakitangan kerajaan mendapati lebih 90 peratus anggotanya telah menjalankan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan.

" Kita mengharapkan kerajaan memberikan pertimbangan kepada cadangan Cuepacs ini kerana kita telah memberikan sumbangan terbaik dan ini telah dibuktikan," katanya.

Beliau berkata semasa kegawatan ekonomi, walaupun beberapa kemudahan telah dipotong, kakitangan kerajaan masih meneruskan perkhidmatan terbaik kepada jabatan masing-masing.

Katanya, permintaan gaji minimum kakitangan awam sebanyak RM750 adalah sebagaimana hasrat dan wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya gaji para pekerja di negara ini sekurang-kurangnya pada tahap RM1,200.

Pada masa kini, gaji minimum yang diperolehi oleh kakitangan sektor awam ialah sebanyak RM500 lebih setelah dicampur elaun perumahan dan khidmat awam, kata Abdul Rahman.

"Mereka terdiri daripada buruh, kerani rendah, pembantu pejabat yang berjumlah hampir 400,000 orang, " katanya.

Beliau berkata kenaikan gaji bagi kakitangan kategori lain adalah berdasarkan peratusan tertentu yang ditetapkan dimana bagi kategori tertinggi, peratusan kenaikan gaji adalah minima sekali.

Abdul Rahman juga berkata Cuepacs telah memohon untuk mengadakan satu pertemuan dengan Perdana Menteri bagi membincangkan isu kenaikan gaji itu.

Selain itu, Cuepacs akan turut menyatakan umur persaraan secara pilihan dinaikkan kepada 58 tahun kerana menurut Abdul Rahman kerajaan boleh menjimatkan duit sekiranya ia dilaksanakan.

Katanya sebanyak 10,000 kakitangan kerajaan bersara setiap tahun apabila mereka mencecah umur 55 tahun.

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam II, Abdul Malek Hamzah
menutup seminar itu yang turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Kastam, Datuk
Ahmad Padzli Mohyiddin.

-- BERNAMA

NO ZB